

13 MAY 2002

RUMAH TETAMU PRESIDEN TEMPAT PENGINAPAN DR MAHATHIR

Oleh: E.Sivabalan

WASHINGTON, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijadual tiba di sini pada Isnin untuk lawatan rasmi empat hari, akan menginap di rumah tetamu Presiden Amerika Syarikat yang penuh prestij di 1651, Pennsylvania Avenue.

Dikenali sebagai Blair House, ia berada beberapa meter dari White House and dan pernah sekali diduduki oleh Presiden Amerika Syarikat Harry Truman dan keluarganya dari 1948 hingga 1952 semasa White House menjalani kerja-kerja pengubahsuaian.

Dibina pada 1824, pemilik pertamanya ialah Dr Joseph Lovell, pakar bedah pertama bagi tentera negara itu. Francis Preston Blair, seorang penerbit akhbar dari Kentucky, membeli rumah itu pada 1836 dan warisnya tinggal di Blair House untuk lebih 100 tahun.

Blair merupakan seorang daripada anggota "kabinet dapur" Presiden Andrew Jackson, satu istilah pelik yang timbul kerana barisan kabinet Andrew sering bertemu di dapur Blair House.

Semasa perang saudara, Blair atas permintaan Presiden Abraham Lincoln menawarkan Kolonel Robert E.Lee tugas memerintah Tentera Persekutuan. Lee menolak tawaran itu supaya beliau boleh memberi khidmat kepada tentera negeri-negeri gabungan.

Sepupu Lee, Samuel Phillips Lee, seorang laksamana di tentera laut persekutuan, mengahwini anak perempuan Blair, Elizabeth pada 1843 dan mereka menetap di rumah bersebelahan yang dibina untuk mereka oleh Blair. Anak lelaki mereka, Blair Lee, dipilih sebagai Senator bagi Maryland, dan cucunya, pula gabenor Maryland.

Blair House dan Lee House dibeli oleh kerajaan persekutuan semasa Perang Dunia II dan menjadi sebahagian daripada rumah tetamu rasmi presiden.

-- BERNAMA

ES AKT ZS PR